

28/10/2003

Dr M harap sanjungan tidak keterlaluan

Ridzuan Yop

BANGI: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang akan bersara Jumaat ini berharap sanjungan terhadapnya tidak dibuat keterlaluan sehingga ke peringkat mendewa-dewakan pemimpin.

Perdana Menteri berkata, walaupun amat berterima kasih terhadap sanjungan yang diberikan, beliau berharap ia tidak keterlaluan kerana sumbangan dan jasanya tidak jauh berbeza daripada pemimpin Umno terdahulu.

"Saya percaya khidmat saya tidak lebih atau kurang daripada pemimpin Umno lain. Mustahil saya sendiri dapat melaksanakan sesuatu jika tidak ada sokongan Pemuda, Wanita dan rakan parti komponen lain dan seterusnya rakyat Malaysia yang memberi sokongan kepada perjuangan ini sehingga ia dapat dijayakan.

"Terima kasih sanjungan yang diberikan kerana saya yakin sanjungan itu tidaklah sehingga mendewa-dewakan sesiapa kerana kita perlu berterima kasih...tetapi saya yakin tidak sehingga keterlaluan," katanya ketika berucap pada majlis penyerahan kain rentang terpanjang ucapan terima kasih

kepada beliau di Institut Latihan Sultan Ahmad Shah, Universiti Tenaga Nasional, di sini semalam.

Kain rentang sepanjang 5.5 kilometer itu dipenuhi 52,000 tanda tangan yang diusahakan Pergerakan Puteri Umno sejak empat bulan lalu sebagai ucapan terima kasih rakyat kepada Dr Mahathir.

Kain rentang itu turut dicatatkan dalam Malaysia Book of Records (MBR) sebagai kain rentang terpanjang

Turut hadir Naib Presiden Umno, Tan Sri Muhyiddin Yassin; Setiausaha Agung Umno, Tan Sri Khalil Yaakob; Ketua Pergerakan Puteri Umno, Datuk Azalina Othman Said dan Pengerusi Tenaga Nasional Berhad (TNB) Datuk Awang Adek Hussin.

Majlis yang dihadiri kira-kira 4,000 ahli Puteri Umno seluruh negara dipenuhi pelbagai acara seperti terjunan tinggi, payung terjun oleh Exco Puteri Umno dan deklamasi sajak. Dr Mahathir turut dibawa menaiki kenderaan mengelilingi kain rentang berkenaan.

Dalam ucapannya, Dr Mahathir turut memberikan penghargaan kepada Puteri

Umno yang mampu menjadi pelapis kepada kepemimpinan Umno dan negara pada masa depan.

Beliau berkata, sebelum Puteri Umno ditubuhkan, beliau khuatir sama ada

Umno dapat menyediakan pemimpin pelapis yang ramai bagi meneruskan perjuangan Umno dan negara suatu hari nanti.

"Bagaimanapun, saya lega ketika berundur sebagai pemimpin saya dapat melihat wujudnya barisan pemimpin muda yang menunjukkan kemampuan dan kebolehan mereka untuk menjadi pemimpin pelapis masa depan.

"Sememangnya benar perjuangan kita sentiasa belum selesai kerana perjuangan tidak akan selesai sampai bila-bila," katanya.

Beliau juga berkata, usaha untuk membangunkan bangsa dan negara adalah proses yang panjang dan berterusan kerana tidak ada satu matlamat

tertentu  
yang dianggap sebagai tamatnya perjuangan.